

Dua tren LRT laluan Kelana Jaya bertembung akibat pemandu cuai, 64 penumpang cedera

Pertama kali berlaku dalam sejarah

Kosmo (26/05/2021) Hal. 02

Oleh NOR IDAYU BOSRO,
AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI,
EDDY HAMIDI dan NOR AZIHAN
MD. GHAZALI

PUTRAJAYA – Kemalangan tren Transit Aliran Ringan (LRT) laluan Kelana Jaya melibatkan tren bernombor 40 (Tr40) dan tren 81 (Tr81) malam kelmarin dikenali pasti berpunca daripada kecuai pemandu yang memandu Tr40 mengikut arah yang salah.


Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Wee Ka Siong berkata, Tr40 yang sepatutnya bergerak ke arah selatan didapati bergerak dalam orientasi berlawanan menuju ke arah utara sehingga berlaku pertembungan antara kedua-dua tren terbabit.

Menurutnya, Tr40 yang tiada penumpang pada mulanya dikendalikan secara *automated train operation (ATO)* dari Gombak ke depoh Subang iaitu ke arah selatan sebelum mengalami kegagalan (*timed out*) semasa menghampiri Stesen Kampung Baru.

“Apabila Tr40 didapati mengalami kegagalan, pusat kawalan operasi (OCC) mengarahkan pemandu untuk memandu tren itu secara manual dari Stesen Kampung Baru menuju ke Stesen Dang Wangi.

“Kecuaian berlaku apabila pemandu membawa Tr40 dalam arah bertentangan hingga bertembung dengan Tr81 yang dalam perjalanan ke Stesen Kampung Baru selepas berlepas dari Stesen KLCC,” katanya dalam sidang akhbar secara maya semalam.

Ka Siong memberitahu, Tr40 berhenti di Stesen Kampung Baru adalah disebabkan oleh kegagalan tren beroperasi se-



KA SIONG (kanan) melihat keadaan Tr81 selepas terlibat dalam kemalangan di dalam terowong di antara Stesen KLCC dan Stesen Kampung Baru di Kuala Lumpur semalam.

cara ATO berikutan sistem kawalan *vehicle on-board controller (VOBC)* terhenti.

Pada masa sama, katanya, Tr81 yang beroperasi secara ATO dan membawa 213 penumpang berada dalam keadaan statik di platform Stesen KLCC.

“Tr81 kemudiannya berlepas dari Stesen KLCC ke Stesen Kampung Baru pukul 8.24 malam setelah menerima maklumat bahawa Tr40 telah beredar dari Stesen Kampung Baru menuju ke Stesen Dang Wangi.

“Pada pukul 8.33 malam, pemandu tren menghubungi OCC dan memaklumkan bahawa Tr40 telah bertembung dengan sebuah tren yang dikenal pasti sebagai Tr81,” ujarnya.

Kejadian itu yang pertama kali berlaku dalam sejarah negara melibatkan insiden tren LRT sejak memulakan operasi pada ta-

Insiden tren LRT

- **12 April 2021** - Ratusan penumpang terperangkap apabila beberapa buah tren LRT terkandas selepas pokok tumbang menimpa landasan di laluan Ampang ke Sri Petaling
- **21 November 2019** - Perjalanan ratusan penumpang tergendala apabila sebuah tren LRT laluan Kelana Jaya terkandas selepas bergesel dengan pemegang struktur papan iklan
- **9 September 2016** - Ratusan penumpang terpaksa berjalan kaki di sepanjang laluan Gombak-Putra Heights selepas tren LRT yang mereka naiki mengalami kerosakan

hun 1996 telah mengakibatkan 64 daripada 213 penumpang Tr18 cedera dan dirawat di Hospital Kuala Lumpur.



KEADAAN salah sebuah tren selepas bertembung.

Daripada 64 penumpang yang cedera itu, enam orang kritikal termasuk tiga mangsa memerlukan bantuan ventilasi, manakala 15 mangsa separa kritikal dan 43 penumpang lagi tidak kritikal.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Mohamad Zainal Abdullah berkata, siasatan awal mendapati, kelajuan tren ke-

tika kejadian kurang daripada 40 kilometer sejam dan berlaku berdekatan Stesen KLCC.

“Kemalangan itu akan disiasat di bawah Seksyen 201 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 kerana menyebabkan kecederaan.

“Polis meminta orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi yang boleh mengganggu siasatan kes ini,” katanya.